

TN50 dan Bahasa Melayu



Generasi muda yang menjadi pewaris kesinambungan untuk menerajui negara ini diberikan gambaran awal tentang arah tuju negara melalui TN50. Oleh hal yang demikian, generasi muda dilibatkan secara langsung dalam usaha merangka, membayangkan dan mengimajinasikan tujuan TN50 agar mereka yang berada dalam proses tersebut bukan hanya bersedia, tetapi membinanya dengan penuh keyakinan dan kewajaran.

Sejak Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia mengumumkan hasrat dan gagasan Transformasi Nasional 2050 (TN50) pada pembentangan belanjawan 2017, pelbagai tafsiran dan andaian dibuat, sama ada oleh pertubuhan politik, pertubuhan bukan kerajaan, tokoh terkemuka atau masyarakat umum. TN50 seakan-akan dilihat sebagai suatu tanda untuk menentukan arah tuju Malaysia selanjutnya dalam tempoh tiga dekad.

Rentetan proses membina TN50 yang bermula dengan memperoleh terlebih dahulu keperluan dan kehendak yang mendasari TN50 sebelum menstrukturkan objektif dan gagasan besar. TN50 dilihat sebagai rangka-rangka yang serius untuk memastikan negara Malaysia berada dalam kelompok 20 buah negara maju di dunia pada tahun 2050. Harapan itu menyerupai impian ketika Wawasan 2020 diperkenalkan.

Walaupun proses TN50 masih dalam pembinaan konsep dan mencari kebebasan sebagai landasan untuk melakar rupa negara pada tahun 2050, usaha-usaha mendekati sasaran, khususnya belia, sedang giat dilakukan. Mahu tidak mahu TN50 begitu dekat dan intim dengan golongan belia dan generasi muda kerana keputusan TN50

diwujudkan bertujuan khusus untuk masa depan.

Generasi muda yang menjadi pewaris kesinambungan untuk menerajui negara ini diberikan gambaran awal tentang arah tuju negara melalui TN50. Oleh hal yang demikian, generasi muda dilibatkan secara langsung dalam usaha merangka, membayangkan dan mengimajinasikan tujuan TN50 agar mereka yang berada dalam proses tersebut bukan hanya bersedia, tetapi membinanya dengan penuh keyakinan dan kewajaran. Justeru, dialog terawal diadakan tentunya dengan golongan generasi muda ini.

Ketika dialog pertama antara perdana menteri dengan generasi muda ini diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 19 Januari 2017 lalu, ada beberapa kerisauan wajar diberikan perhatian dalam konteks generasi muda melihat masa depan. Walaupun sifatnya masih berbentuk cadangan yang dilontarkan melalui dialog, namun inti pati dialog tersebut boleh memberikan sedikit gambaran tentang kemahuan dan kehendak mereka.

Antara aspirasi generasi muda melalui pertemuan dengan perdana menteri pada majlis tersebut, paling jelas, hanya berlegar tentang ekonomi digital, pendidikan, kesedaran sivik,

perpaduan, kesejahteraan bandar, pembangunan luar bandar, merapatkan jurang pendapatan, perkhidmatan awam, alam sekitar dan sukan.

Barangkali, seperti yang kita sedia maklumi pertemuan melalui dialog pertama ini hanya sebagai pandangan umum generasi muda. Pandangan dan pendapat yang muncul hanya melalui pemahaman dan pengalaman mereka tentang apa yang telah dihidangkan kepada mereka. Apabila mereka hanya mengemukakan masa depan yang perlu memenuhi keperluan mereka dalam konsep pembangunan sosioekonomi, kesihatan fizikal dan keberadaan mereka dalam konteks negara moden, hal yang sedemikian itu membuktikan bahawa mereka juga peka dengan keperluan dan kehendak sedemikian.

Secara kesimpulannya, pertemuan pertama melihat TN50 tidak berpijak pada landasan peradaban dan kelangsungan nilai diri mereka sebagai pewaris warisan negara. Generasi muda tidak berminat mengemukakan pandangan tentang masalah budaya yang semakin dimodenkan dengan simulasi budaya luar. Generasi muda juga tidak berminat mengemukakan nilai-nilai keberadaan yang telah sekian lama dimiliki oleh tradisi dan adat resam mereka, dan sudah tentu, mereka

tidak mengemukakan tentang pentingnya bahasa sebagai jiwa bangsa.

Mungkin terlalu awal meletakkan ketidakhiruan itu sebagai masalah utama apabila TN50 cuba diwar-warkan. Namun, persoalan yang menjadi renungan untuk sama-sama kita tanggapilah ialah usaha-usaha untuk memperkasakan peradaban bangsa Malaysia melalui keyakinan dan kesungguhan generasi muda memastikan segala bentuk perlembagaan dan keempunaan terpelihara dan terjamin dalam arus perubahan kemajuan tersebut harus difokuskan dengan kesedaran. Salah satunya, bahasa Melayu yang semakin terhimpit dan tersepit antara pembangunan dengan peradaban.

Sememangnya terlalu awal untuk menuduh TN50 tidak memedulikan isu kebahasaan. Namun, berdasarkan situasi dan pola perubahan dasar kerajaan yang seakan-akan tidak memedulikan hal-hal sebegini, bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang dianggap perkara dasar untuk dibawa bersama-sama dalam pembinaan konsep TN50. Telahan ini bersandarkan Wawasan 2020 yang hanya tinggal tiga tahun untuk kita lalui.

Dasar kerajaan sebelum ini pun sudah jelas meletakkan isu bahasa Melayu sebagai isu yang kurang penting untuk dipedulikan. Pasti, cara dan kaedah ini semakin serasi dan terbiasa bagi generasi muda untuk meneruskan ketidakedulian itu. Waimea apa pun alasannya, hal-hal yang berkaitan dengan bahasa Melayu bukan menjadi punca utama yang mampu mengalih dan merubah pembawaan tentang keperluan dan kehendak dalam nilai masyarakat, khususnya di Malaysia.

Sebagai contoh, perubahan dasar tentang bahasa Melayu yang

semakin mendesak dan menolak keupayaan dan kewibawaannya dalam konteks memperkasakan keilmuan dan menjadi mangkin perpaduan semakin dikaburkan dengan ranah kebendaan dan kepopularan yang diseret oleh nilai-nilai sensasi. Kemajuan dipaparkan dengan bangunan pencakar langit serta pemodenan yang canggih. Kehebatan didukung oleh kejayaan memperoleh sesuatu, walaupun bukan dicirikan dengan peradaban bangsa negara

Justeru, orang Melayu perlu membuang persepsi ketinggalan dan tidak mampu berjaya hanya kerana disebabkan masalah penggunaan bahasa Melayu.

Malaysia. Akhirnya, usaha-usaha menjivi kebermaknaan bahasa Melayu sebagai nadi keilmuan dan perpaduan menipis dalam kalangan generasi muda. Mereka semakin keliru, antara menuruti undang-undang atau mematuhi keperluan dan kehendak yang disarankan. Mereka membina kemandirian yang dilingkari oleh dasar dan prinsip yang celaru.

Hal yang sedemikian ini sudah sekian lama berlaku dalam kalangan orang Melayu sendiri. Suasana orang Melayu sendiri

yang mempertikaikan prinsip yang termaktub dalam perlembagaan, secara halus memberikan tunjuk ajar kepada generasi muda bahawa kepentingan pembangunan yang akan menentukan hala tuju negara sehingga generasi muda terbawabawa dengan prinsip keperluan kepada pembangunan dan meminggirkan peradaban. Mahu tidak mahu, bahasa Melayu yang sering dikaitkan dengan orang Melayu semakin dimanipulasikan sebagai perjuangan hak, bukan lagi teras perlembagaan yang perlu dipertahankan. Tanggapan yang sedemikian ini menjadi kudis yang semakin bernanah, terbiar membusuk dan parah. Walhal, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan rakyat Malaysia, bahasa yang jelas dimaktubkan dalam perlembagaan dan undang-undang negara.

Ada juga dalam kalangan orang Melayu yang keterlaluan mengagung-agungkan bahasa Inggeris dengan meletakkan bahasa Inggeris sebagai prasyarat untuk orang Melayu itu menjadi maju. Pengertian maju itu ditandai dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai mangkin keilmuan. Lantas, bahasa Melayu dilihat remeh dan tidak penting untuk dimartabatkan. Dilemanya, kalau ada orang Melayu memandang rendah terhadap bangsa dan bahasanya sendiri, maka hal yang sedemikian ini jelas memperlihatkan kesan peninjahan masih kuat dalam dirinya. Andaian sebegini semakin merosakkan kefahaman generasi muda tentang keilmuan. Justeru, orang Melayu perlu membuang persepsi bahawa mereka ketinggalan dan tidak mampu berjaya hanya kerana disebabkan masalah penggunaan bahasa Melayu. Sikap sebegini mencemarkan identiti Melayu itu sendiri.

Maka, usaha "memartabatkan bahasa Melayu dan

memperkasakan bahasa Inggeris" dalam sistem pendidikan perlu menjadi teras membina konsep memartabatkan pendidikan, dan seterusnya bahasa Melayu dalam TN50. Dialog bersama-sama guru harus diadakan berdasarkan subjek disusun secara kemas meliputi bukan hanya subjek khusus seperti bahasa Melayu sendiri, tetapi juga merangkumi subjek teknikal, sains dan matematik.

Sudah tentu pandangan para guru berdasarkan subjek dapat memberikan input yang bernas tentang keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Mungkin ada pandangan dalam kalangan guru yang mahukan bahasa Inggeris sebagai bahasa penyampai ilmu berkaitan subjek tertentu, namun kewajarannya harus diteliti menerusi keupayaan pelajar menerimanya.

Berdasarkan kajian yang terdahulu tentang PPSMI, ternyata proses pemahaman terhalang dan terhambat apabila bahasa Inggeris menjadi bahasa penyampai ilmu. Hanya statistik pelajar dalam bandar utama menampakkan bahawa bahasa Inggeris mampu menjadi bahasa penyampai ilmu dalam kalangan pelajar. Isu pokoknya, adakah kita akan mengorbankan sejumlah besar pelajar luar bandar kerana ingin memenuhi keperluan pelajar di bandar?

Dalam hal yang sedemikian ini, rakyat Malaysia tidak harus menolak kepentingan bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa selain bahasa sains dan teknologi. Tetapi, jangan hanya disebabkan ingin memperkasakan bahasa Inggeris, pemerksaan bahasa Melayu menuntut tekad dan azam yang tinggi demi hari depan generasi Malaysia. Oleh hal yang demikian, TN50 dalam konteks Malaysia, orang Melayu perlu menjadi

dengan maksud perlembagaan dan Akta Pendidikan 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Oleh hal yang demikian, TN50 juga harus menelusuri Perlembagaan 152, Akta Pendidikan 1961 dan Akta Pendidikan 1996

Kerajaan harus memiliki keyakinan tinggi bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang dinamik. Harus ada tekad yang tinggi dalam politik untuk memajukan Malaysia dengan landasan peradaban dan bahasanya

Maka jelas, TN50 yang sedang dirancang dan dibina ini perlu kembali melihat asas peradaban bangsa sebuah negara agar hala tuju tidak terseret dalam kancah kekeliruan dan kecelaruan antara kemahuan dan keperluan.

supaya acuan pembangunan di Malaysia berada dalam landasan yang betul. Perlu ada rancangan untuk memartabatkan bahasa Melayu secara komprehensif di Kementerian Pendidikan dan juga dalam kerajaan, dalam pentadbiran negara serta dalam urusan niaga dan korporat kerana memartabatkan bahasa Melayu menuntut tekad dan azam yang tinggi demi hari depan generasi Malaysia.

Oleh hal yang demikian, TN50 dalam konteks Malaysia, orang Melayu perlu menjadi

komponen teras yang mampu memberikan perimbangan kepada realiti masyarakat majmuk dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang memajukan, dan perpaduan yang sifatnya menyatukan. Kemajuan yang diinginkan harus beracun jati diri dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbeza latar belakang kaum, agama dan budaya. Elemen ini merupakan komponen yang cukup penting dalam TN50 untuk melahirkan generasi terbaik.

Profesor Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia, Prof. Dr. Sivamurugan Pandian berkata, "Perpaduan perlu disimpulkan dalam hati orang muda berbilang latar belakang untuk memupuk generasi terbaik yang mampu menunjangi negara kelak. Keperluan generasi muda baharu ini harus difahami. Usaha memenuhi keperluan mereka perlu disesuaikan dengan persekitaran semasa tanpa mengganggu asas yang telah dibina generasi sebelumnya".

Anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Dr. Asyraf Wajidi Dusuki, yang juga Pengerusi Biro Agama UMNO Kelantan berkata bahawa menerapkan perpaduan kepada generasi muda melalui TN50 adalah selaras dengan dasar Islam, malah tamadun Islam lampau seperti Andalusia membuktikan perlunya generasi demi generasi menjaga hak dan pengiktirafan kebebasan hidup beragama rakyatnya.

Maka jelas, TN50 yang sedang dirancang dan dibina ini perlu kembali melihat asas peradaban bangsa sebuah negara agar hala tuju tidak terseret dalam kancah kekeliruan dan kecelaruan antara kemahuan dan keperluan. Andai ditakdirkan pada tahun 2050 Malaysia maju, tetapi hilang peradaban bangsanya hal yang sedemikian itu telah menyenyapkan ciri-ciri negara bangsanya. DB